

Selangor waspada ancaman banjir

FOSMO 07/12/2006

SHAH ALAM – Bilik gerakan bencana di semua daerah di Selangor telah digerakkan sebagai persediaan menghadapi banjir.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkata, saluran radio Selangor.fm juga diminta menyiarkan perkembangan paras air laut yang dipantau Jabatan Parit dan Saliran (JPS) pada setiap pagi dan petang, katanya.

“Kita sentiasa bersedia terutama sekarang musim hujan,” katanya dalam sidang media selepas mengengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini semalam.

Mengenai tiga pemaju yang dikenakan tindakan atas kesalahan menjadi punca banjir, beliau memberitahu, tidak semua yang membayar kompaun yang dikenakan.

Pada 11 November dan 25 November lepas, Paramount Property Development Sdn. Bhd., iaitu pemaju di Seksyen 33, I-City Properties Sdn. Bhd., di Seksyen 7 dan SJ Properties Sdn. Bhd., di Seksyen U9 dikompaun antara RM25,000 dan RM250,000 kerana mengakibatkan banjir kilat di beberapa kawasan.

Kecuaian Paramount Property Development telah menyebabkan banjir kilat di Bukit Kemuning, I-City Property di tol Sungai Rasau dan SJ Properties di Kampung Melayu Subang.